

Lelaki mengaku bersalah menyalahgunakan dadah

KUCHING: Seorang lelaki berusia 35 tahun didenda RM2,500 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, selepas mengaku bersalah menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine.

Wan Hafiz Sulaiman Wan Ismadi membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan selepas dia didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum mengikut Seksyen 15(1) akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan diletakkan di bawah pengawasan serta-merta untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Dia melakukan kesalahan itu di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) daerah Kuching sekitar jam 4.25 petang pada 8 Jun 2024.

Wan Hafiz disahkan positif dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine, yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.